

**Najib Ucap Tahniah Kepada Modi**  
**Bernama**  
**Oct 21, 2014**

PUTRAJAYA, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini secara peribadi menelefon Perdana Menteri India Narendra Modi daripada pejabatnya di sini untuk mengucapkan tahniah.

Dalam perbualan 15 minit itu, beliau mengucapkan tahniah kepada Modi atas kejayaan memenangi dua pilihan raya negeri, di Maharashtra dan Haryana, baru-baru ini.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut mengundang Modi melakukan lawatan rasmi ke Malaysia tahun depan.

Najib juga memaklumkan kepada Modi bahawa penganut Hindu di Malaysia akan menyambut Hari Deepavali atau Pesta Cahaya esok.

Perdana Menteri turut mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada Modi dan rakyat India.

Modi pula mengucapkan takziah kepada Najib berhubung tragedi MH370 dan MH17.

Pesawat Malaysia Airlines (MAS) Penerbangan MH370 hilang daripada imbasan radar pada 8 Mac ketika dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing dengan membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal. Pesawat Boeing 777 itu masih belum ditemui sehingga kini.

Penerbangan MH17 membawa 298 penumpang dan anak kapal terhempas di timur Ukraine pada 17 Julai semasa dalam penerbangan ke Kuala Lumpur dari Amsterdam. Ia dipercayai ditembak jatuh dengan peluru berpandu semasa berada di ruang udara negara bergolak itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1078630>